



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA ANJUR PERSIDANGAN BIODIVERSITI ASEAN 2021

Saya telah merasmikan Persidangan Biodiversiti ASEAN 2021 (*ASEAN Conference on Biodiversity 2021 - ACB2021*) pada 5 Julai 2021. Persidangan ACB yang diadakan atas talian dengan kerjasama *ASEAN Centre for Biodiversity* (ACB) telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan negara-negara ASEAN dan melibatkan lebih 800 peserta.

Penganjuran ACB2021 bertujuan untuk memperkuatkan pendirian negara-negara ASEAN sebagai persediaan ke Persidangan Negara Parti kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi Ke-15 (CBD15) yang akan diadakan di Kunming, Republik Rakyat China pada hujung tahun ini.

Antara perkara yang dibincangkan ialah tindakan dan usaha penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam memulihara kepelbagaian biologi dan perkhidmatan ekosistem di peringkat ASEAN dan antarabangsa. Ini termasuklah topik berkaitan Kerangka Biodiversiti Global Pasca-2020 (*Post-2020 Global Biodiversity Framework*); hala tuju ASEAN (*ways forward for ASEAN*) pasca pemulihan pandemik (*post pandemic recovery*); biodiversiti masa kini dan akan datang (*biodiversity today and beyond*); mengarus perdana biodiversiti (*mainstreaming biodiversity*); dan sinergi bagi penjagaan alam semula jadi (*synergies to protect nature*).

Rantau Asia Tenggara sangat kaya dengan sumber biodiversiti yang juga menyediakan sistem sokongan kehidupan. Ekosistem yang sihat memberi banyak manfaat kepada pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan hidup manusia. Oleh itu, biodiversiti hendaklah dipulihara, digunakan secara mampan dan faedah daripada penggunaannya dikongsi secara adil dan saksama.

Dalam memacu tanggungjawab pemuliharaan dan penggunaan sumber secara mampan, Malaysia telah membangunkan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK). Ia menyediakan hala tuju dan rangka kerja untuk memulihara biodiversiti kita dan menggunakan secara mampan dalam menghadapi cabaran yang semakin kompleks pada masa kini dan akan datang.

Malaysia juga telah membangunkan pelbagai insentif kewangan bagi meneruskan usaha memulihara biodiversiti yang merangkumi Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional dan Kerangka Kewangan REDD Plus (*REDD Plus Finance Framework - RFF*) untuk meningkatkan kerjasama strategik dengan pihak swasta dalam menyediakan dana.

Penganjuran ACB2021 ini adalah sangat signifikan dalam menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pengurusan biodiversiti di rantau ASEAN dan antarabangsa.

**YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

7 Julai 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia